

UMS anjur pesta ang pau

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan Pesta Ang Pau bagi mengetengahkan kebudayaan etnik Cina di Dewan Canselor UMS, pada 29 Januari ini.

Pengerusi Penganjur, Ding Kor Ho berkata, pesta itu bertujuan mendedahkan pelajar dan orang ramai terhadap kebudayaan masyarakat itu dan membolehkan pertukaran kebudayaan antarabangsa berlaku.

Katanya, antara kegiatan menarik sempena pesta itu ialah acara 'Lou Sang Ribuan Orang' iaitu acara untuk memperoleh kejayaan dan kebaikan di dunia mengikut kepercayaan Cina.

Beliau berkata, Lou Sang adalah sejenis kuih tradisional etnik Cina yang dimakan bersama-sama dengan doa dan harapan, semoga tahun ini lebih baik berbanding tahun lalu.

"Sempena majlis itu juga kami menjemput penyanyi terkenal tempatan dan pelajar UMS untuk mempersembahkan acara nyanyian, sekali gus mencungkil bakat terpendam mereka," katanya.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi Ding di talian 012-4653479 atau Wong Lee Fong (016-6211628).



UMS
MALAYSIA SABAH